

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HGM 436 Geografi Pertanian

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B. SOALAN NO. 1 adalah WAJIB.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Pemilik ladang A mempunyai keluasan tanah untuk tanaman seluas 64 hektar dan mempunyai jumlah jam-kerja per hektar yang terhad untuk 4 jenis tanaman yang sesuai diusahakan.
 - (a) Merujuk kepada Jadual 1, cari kombinasi bidangusaha (tanaman) yang paling sesuai dan keluasan tanah yang akan diusahakan. (15 markah)
 - (b) Bincangkan kenapakah perbezaan hasil boleh berlaku diantara hasil pusat penyelidikan, potensi hasil ladang, dan hasil ladang sebenar? (10 markah)

Jadual 1

Keluasan bidangusaha yang boleh ditanam dan Keperluan tenaga kerja untuk setiap bidangusaha di Ladang A

Bidangusaha	Keluasan (hektar)	Jam-kerja piawai per hektar)
Jagung	20	120
Padi	29	180
Sayuran	5	310
Tembakau	10	280
Jumlah	225 64	890

2. Bincangkan perubahan struktur dan pola gunatanah pertanian di Malaysia pada masakini berbanding dengan 20 tahun yang lalu. Apakah reaksi kerajaan terhadap perubahan ini?

(25 markah)

3. (a) Air hilang ke dalam atmosfera ditentukan oleh faktor- faktor alam sekitar dan tumbuhan. Jelaskan.

(10 markah)

- (b) Terangkan mekanisma sejatan air melalui daun semasa angin kencang berbanding dengan angin tenang.

(8 markah)

- (c) Bincangkan bagaimana Indeks Keluasan Daun (LAI) mempengaruhi jumlah kehilangan air.

(7 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. "Peningkatan pengetahuan mengenai alam sekitar fizikal di kalangan petani dan pengusaha ladang dapat mempengaruhi pola taburan serta kadar perkembangan pertanian". Bincangkan dengan merujuk kepada salah satu jenis pertanian di Asia Tenggara.

(25 markah)

5. Bincangkan bagaimana konsep zon agro-ekologi boleh digunakan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian di Semenanjung Malaysia.

(25 markah)

6. Analisis secara kritis SATU daripada kaedah yang telah digunakan di dalam pembahagian kawasan pertanian di peringkat dunia.

(25 markah)